

24/10/1998

Pendidikan tetap diberi keutamaan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pertambahan pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam dan peruntukan kewangan dalam bidang pendidikan melalui Belanjawan 1999 jelas menunjukkan komitmen kukuh kerajaan dalam bidang itu.

Di sebalik kegawatan yang melanda negara, kerajaan tetap memberi pelbagai peruntukan dan kemudahan kepada pendidikan, bertujuan memastikan peluang pendidikan yang berkesan dan berterusan kepada rakyat.

Bekas Penasihat Pendidikan Tinggi Kementerian Pendidikan, Tan Sri Awang Had Salleh, berkata langkah memberi peluang kepada lebih ramai pelajar memasuki institut pengajian tinggi awam dan peruntukan kewangan, menunjukkan kerajaan tetap mengutamakan pendidikan rakyat walaupun negara menghadapi kegawatan.

Katanya, pelaburan dalam pendidikan penting bagi memastikan bekalan tenaga kerja mahir mencukupi untuk pembangunan negara.

"Walaupun hasil pelaburan ini tidak dapat dilihat serta-merta, ia perlu bagi memastikan negara tidak akan terkapai-kapai mencari sumber tenaga kerja.

"Peningkatan pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam akan melahirkan lebih ramai tenaga kerja untuk memenuhi keperluan ini," katanya.

Beliau mengulas langkah kerajaan melalui Belanjawan 1999 untuk meningkatkan pengambilan pelajar ke institut pengajian tinggi awam kepada 84,000 orang berbanding 77,600 orang sebelum ini yang disertai peningkatan kemudahan pembelajaran dan pengajaran, prasarana dan penginapan.

Untuk tujuan itu RM2.85 bilion diperuntukkan yang antara lain membabitkan pembinaan pusat matrikulasi, Fakulti Perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Pahang, kampus tetap Universiti Malaysia Sabah, termasuk kampus cawangannya di Labuan dan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak.

Sejajar hasrat kerajaan menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, RM13.5 bilion disediakan untuk meningkatkan prasarana dan kemudahan sokongan serta pembangunan kurikulum.

Daripada jumlah itu, RM8 bilion untuk pendidikan rendah dan menengah.

Sebanyak 183 buah sekolah rendah dan menengah baru akan dibuka sementara 1,217 buah lagi sedang dan akan dibina.

Kerajaan juga meneruskan peningkatan taraf sekolah vokasional dan pembinaan sekolah teknik.

Mengumumkan Belanjawan 1999, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan akan memberi bantuan kepada 24,600 pelajar membabitkan perbelanjaan RM320 juta.

Timbalan Dekan Fakulti Sains Fizis dan Gunaan (FSFG) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mohd Yusof Othman, berkata dalam menambah bilangan pelajar kerajaan juga seharusnya mengambilkira keperluan prasarana di institut pengajian tinggi awam.

Menurutnya, kerajaan perlu memastikan kadar pensyarah, pelajar dan kemudahan pembelajaran mencukupi bagi memastikan pendidikan berkesan kepada pelajar.

(END)